

BAB I

PENGENALAN

1. 1 Latar Belakang Kajian

Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Pindaan 1975) adalah panduan kepada perjalanan dan pentadbiran universiti-universiti tempatan sesuai dengan kedudukan dan perananya dalam masyarakat. Bab pertama ini akan menjelaskan pendekatan kajian yang digunakan dalam kajian ini. Ini merangkumi aspek-aspek seperti latar belakang kajian, objektif kajian, pernyataan masalah, kepentingan kajian, ulasan bahan, teknik-teknik kajian, skop kajian, susunan bab-bab dan juga kesulitan yang timbul semasa menjalankan kajian.

Penglibatan mahasiswa dalam isu politik nasional, khususnya semasa Pilihanraya Umum 1969 sedikit sebanyak telah menggugat kedudukan pemerintah pada masa itu. Mereka telah mula beralih memberi sokongan kepada parti pembangkang seperti Parti Buruh dan Parti Rakyat, mengadakan kempen secara terbuka dan mengkritik kerajaan dengan manifestonya sendiri. Kegagalan pemerintah untuk mengatasi masalah ketidaksamaan sosial dan ekonomi antara kaum telah mencetuskan pergaduhan kaum pada tarikh 13 Mei 1969. Para pemimpin mahasiswa telah menuduh jari menyalahkan kepimpinan Tunku Abdul Rahman pada masa itu yang dianggap lemah sehingga mengakibatkan tercetusnya Peristiwa 13 Mei tersebut.

Bagi menamatkan rusuhan kaum tersebut, pemerintah mengisytiharkan darurat dan pemerintahan negara diletakkan di bawah Majlis Gerakan Negara (MAGERAN). Dalam usaha memantapkan kuasa pemerintah khususnya untuk mengawal pergerakan mahasiswa, pemerintah telah menggubal Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU). Melalui akta ini, pemerintah dapat mengawal dan mengongkong kegiatan politik mahasiswa.

Hasil kajian Junaidi Haji Abu Bakar (1993) melalui soal selidik terhadap mahasiswa peringkat ijazah pertama yahun tiga di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mendapati majoriti mahasiswa mempunyai tahap kesedaran

undang-undang yang rendah tentang kandungan Akta Universiti dan Kolej Universiti. Pada kadar sampel 5.7 peratus (591 orang) daripada jumlah pelajar UKM sesi 1990/91 iaitu seramai 10 327 orang. Hasilnya menunjukkan 349 orang (59.1%) adalah berada pada tahap kesedaran yang rendah manakala 242 orang (40.9%) lagi mempunyai tahap kesedaran yang tinggi.¹ Kajian tersebut juga mendapati majoriti mahasiswa mempunyai kesan yang positif terhadap pelaksanaan akta ini sehingga menyebabkan kegiatan mahasiswa hari ini menjadi lembab dan hanya tertumpu di kampus sahaja.

Universiti adalah sebuah institusi kebanggaan dalam sesebuah masyarakat. Ia bukan sahaja melambangkan ketinggian intelektual masyarakat malah turut berperanan menyediakan landasan ke arah menjayakan wawasan dan cita-cita masyarakat. Universiti sewajarnya berbangga dengan peranannya kerana sehingga kini telah berjaya melahirkan ratusan tokoh-tokoh ternama dan berjasa di pelbagai bidang kehidupan di Malaysia. Ini termasuklah tokoh-tokoh pemimpin politik dan pentadbiran, tokoh-tokoh ekonomi dan kebudayaan serta tokoh-tokoh akademik dan cendiakawan. Antaranya adalah seperti Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim dan lain-lain lagi.

¹ Junaidi Abu Bakar. *Mahasiswa Politik dan Undang-Undang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1993.

Berperanan sebagai tempat melatih dan menghasilkan pemimpin-pemimpin ulung negara dan tokoh-tokoh masyarakat di pelbagai bidang kehidupan, universiti perlu mempunyai mahasiswa yang mempunyai kesedaran politik yang tinggi sebagai gagasan dan merintis jalan ke arah kesinambungan kepimpinan negara di masa depan. Namun sejak akhir-akhir ini mahasiswa tidak lagi selantang dulu dalam mengartikulasikan aspirasi mereka berbanding sebelum pelaksanaan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971. Fenomena ini dilihat sebagai satu cabaran ke arah menghasilkan barisan pelapis negara untuk memangkinkan kewujudan masyarakat madani yang diimpikan.

Tumpuan utama kajian ini adalah mengenai persepsi dan pendapat masyarakat umum di Malaysia terhadap peruntukan AUKU (Pindaan) 1975. Dari itu satu analisis terhadap persepsi dan pendapat masyarakat umum di Malaysia terhadap aspek kebebasan mahasiswa di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Pindaan) 1975 dirasakan perlu untuk mendapat reaksi sebenar tentang perkara yang terus mencetuskan kontroversi semenjak diperingkat cadangan sehingga selepas perlaksanaannya.

1.2 Pernyataan Masalah

Meskipun Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) telah wujud lebih dua puluh tahun di negara ini, masih ramai di kalangan masyarakat yang

tidak mengetahui kandungan sebenar akta tersebut. Malah di kalangan pelajar dan kakitangan universiti sendiri banyak yang masih kabur tentang kandungan AUKU. Beberapa pindaan yang dibuat ke atas AUKU turut merumitkan proses pemahamannya terutamanya di kalangan masyarakat umum. Maka seharusnya kajian ini mampu melihat dan memperjelaskan kandungan AUKU sebagaimana yang telah termaktub dalam akta tersebut.

Sebenarnya Akta Universiti dan Kolej Universiti menyentuh kepentingan banyak pihak sama ada pihak pentadbiran dan kakitangan universiti maupun pihak pelajar sendiri. Golongan pelajar dilihat amat tertekan di bawah akta ini. Peristiwa pelajar berdemonstrasi yang hangat diperkatakan sedikit masa dulu dilihat kesan dari AUKU ini yang terlalu mengongkong mahasiswa. Dari itu adalah perlu bagi kajian ini mengupas peruntukan-peruntukan dalam AUKU yang menyentuh status mahasiswa di negara ini.

Kewujudan AUKU jika diteliti agak rapat dengan kegawatan politik negara sekitar tahun 60 dan 70an. Peristiwa 13 Mei 1969 misalannya, secara tidak langsung memperlihatkan sikap dan peranan pelajar institusi pengajian tinggi di negara ini. Kajian sebegini diperlukan untuk menjelaskan pelbagai faktor yang memungkinkan wujudnya satu akta seperti AUKU. Andaian faktor politik semata-mata bertanggungjawab ke atas penggubalan AUKU seharusnya

tidak tepat kerana aspek ekonomi dan sosial turut memainkan peranan dalam menentukan agenda politik negara ketika itu. Perlulah dilihat antara faktor politik, ekonomi mahupun sosial dalam kewujudan Akta Universiti dan Kolej Universiti di negara ini.

Setiap sesuatu dasar atau polisi yang digubal oleh kerajaan tentunya akan menampakkan kesan sama ada dalam jangka pendek ataupun jangka panjang. AUKU juga tidak terkecuali dalam hal ini, bezanya hanyalah kesan tersebut lebih dirasakan oleh golongan pelajar. Adalah mustahak agar kajian dapat mengenalpasti kesan-kesan Akta Universiti dan Kolej Universiti ke atas kegiatan pelajar universiti di negara ini. Seharusnya kesan-kesan ini dilihat dari segi baik dan buruknya ke atas kegiatan pelajar.

Setiap pihak sudah pasti mempunyai pendapat dan pandangan masing-masing terhadap pelaksanaan AUKU di negara ini. Dalam hal ini sudah pasti ada yang menyokong atau menetang kewujudan akta ini. Berdasarkan hakikat ini, adalah perlu untuk kajian meninjau persepsi dan pendapat masyarakat umum di Malaysia terhadap kewujudan dan pelaksanaan Akta Universiti dan Kolej Universiti terhadap penuntut-penuntut institusi pengajian tinggi di negara ini.

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini akan menganalisis faktor-faktor politik, ekonomi mahupun sosial yang menjadi alasan pemerintah menggubal Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.

Seterusnya kajian ini akan melihat kandungan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Pindaan 1975), terutamanya mengenal pasti dan membincangkan kandungan Akta Universiti dan Kolej Universiti yang benar-benar melibatkan status mahasiswa di negara ini.

Kajian ini juga akan meninjau kesan-kesan dari kewujudan dan pelaksanaan Akta Universiti dan Kolej Universiti terhadap kegiatan (bukan akademik) di kalangan mahasiswa.

Kajian juga menjurus kepada persepsi dan pendapat masyarakat umum di Malaysia terhadap kebebasan pelajar di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1975.

Akhir sekali, kajian ini juga memberi fokus kepada aspek memberi pandangan dan cadangan tentang kebebasan pelajar di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1975 dan kesan-kesan dari pelaksanaannya.

1. 4 Skop Kajian

Adalah tidak mungkin untuk meninjau pergerakan pelajar dari akar umbinya dalam suatu kajian yang terhad begini. Malahan di Malaysia sendiri ianya sudah bermula sejak tahun-tahun 1920an lagi. Ini jika diperhatikan amat berkait rapat dengan pengaruh Universiti Al-Azhar di Timur Tengah. Jadi kajian ini hanyalah akan menumpukan kepada gerakan pelajar di sekitar tahun 1960an sehingga ke pada kewujudan Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1975. Tumpuan kajian adalah lebih kepada menyelami persepsi dan pendapat masyarakat terhadap Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1975.

1. 5 Kaedah Pengumpulan Maklumat

Beberapa kaedah yang difikirkan sesuai untuk mengumpulkan maklumat bagi kegunaan kajian ini adalah seperti berikut:

1. Penyelidikan Perpustakaan

- (a) Buku-Buku Rujukan
- (b) Rekod Parlimen
- (c) Suratkhabar
- (d) Majalah
- (e) Kertas-Kertas Kerja, Seminar dan Persidangan

2. Temubual

Sesuai dengan bidang kajian yang melibatkan persepsi dan pendapat masyarakat umum, kaedah temubual memainkan peranan penting untuk mendapat maklumat langsung dari mereka. Temubual akan dijalankan sama ada secara bertulis atau secara berakam dan melibatkan pelbagai lapisan masyarakat.

1. 6 Kepentingan Kajian

Gerakan pelajar meninggalkan banyak kesan penting dalam kebanyakan negara seperti Korea Selatan, Thailand, Amerika Syarikat dan Malaysia. Seringkali golongan pelajar gagal dalam usaha membentuk kerajaan, namun ia tetap memberi kesan dalam membawa order baru sama ada dari segi politik, ekonomi mahupun sosial sesebuah negara tersebut. Penggubalan dan pelaksanaan Akta Universiti dan Kolej Universiti dilihat sebagai punca kelemahan gerakan mahasiswa pelajar hari ini.

Universiti adalah sebagai salah sebuah institusi sosial yang penting dalam masyarakat kini. Semasa di universiti, mahasiswa didedahkan dengan pelbagai disiplin. Di samping itu, golongan mahasiswa juga bergiat dalam aktiviti luar akademik seperti berpersatuan dan menjalankan aktiviti sesama

mereka. Maka salah satu aktiviti yang diceburi secara meluas oleh mahasiswa ialah politik kampus. Selain dari itu, golongan mahasiswa juga menyertai kegiatan masyarakat luar kampus. Kewujudan Akta Universiti dan Kolej Universiti dilihat telah menjarakkan lagi golongan mahasiswa dan masyarakat luar dalam konteks kesedaran politik bersama.

Kajian Muhammad Abu Bakar (1973) mendapati bahawa falsafah perjuangan mahasiswa dibentuk oleh status sosial mereka sebagai pelajar universiti, fungsi mereka sebagai rakyat yang telah dewasa dan situasi mereka sebagai kumpulan individu yang terdedah kepada pergolakan dunia semasa. Jadi secara tidak langsung golongan mahasiswa adalah pelopor dan saluran masyarakat dalam menyuarakan harapan mereka berkaitan sesuatu isu. Tindakan kerajaan melaksanakan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 seolah-olah membelakangkan suara rakyat.

Kajian secara serius terhadap permasalahan pelajar dan Akta Universiti dan Kolej Universiti belum begitu banyak dilakukan. Malah di Universiti Malaya sendiri belum ada kajian yang secara khusus mengenai persepsi dan pendapat masyarakat umum di Malaysia mengenai Akta Universiti dan Kolej Universiti terutamanya berkaitan dengan kebebasan pelajar. Dengan ini diharapkan sekurang-kurangnya kajian ini dapat mengisi kekurangan itu selain

menyuarkan hasrat masyarakat terhadap Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971. Seharusnya kajian ini akan menambah jumlah bahan rujukan dalam bidang berkaitan.

1.7 Had Kajian

Andaian tentang kewujudan akta ini adalah ekoran dari pergolakan isu-isu semasa pada ketika itu seperti Peristiwa 13 Mei 1969, perasaan anti kepimpinan Tunku Abdul Rahman dan juga lain-lain isu yang menyaksikan penglibatan dan kelantangan suara golongan pelajar universiti. Justeru itu perbincangan hanya berkisar kepada beberapa peruntukan yang melibatkan kebebasan pelajar.

Maka walaupun ada pendapat yang mengaitkan akta ini dengan kemerosotan prestasi akademik mahasiswa, ianya tidak akan dimasukkan dalam perbincangan kajian ini. Adalah diyakini bahawa kesan-kesan dari pelaksanaan akta ini ada yang bersifat positif dan juga sebaliknya.

Memandangkan tiada peruntukan yang diterima dari mana-mana pihak, maka tiada sumber kewangan tertentu yang dapat menanggung sebahagian ataupun keseluruhan daripada kajian ini. Justeru dengan peruntukan yang terhad ini, kajian seringkali tergendala dan terkeluar dari perancangan asal.

Faktor masa juga memainkan peranan penting dalam mempengaruhi mutu sesebuah kajian yang ingin dihasilkan. Berdasarkan masa yang agak terhad untuk menyiapkan kajian ini, banyak masalah yang tiudak diduga timbul. Ini sudah tentu mengganggu kelancaran kajian sebegini.

Kesulitan lain yang dihadapi semasa menjalankan kajian ialah sikap sesetengah responden yang kurang bertanggungjawab dalam memberikan kerjasama mereka. Masalah-masalah seperti kesukaran menepati masa, pindaan tarikh perjumpaan, ragu-ragu untuk memberikan pendapat juga menyumbang kepada kelewatan mendapatkan maklumat yang dikehendaki.

1. 8 Susunan Bab-Bab

Bab pertama kajian ini akan mengandungi pendekatan kajian iaitu pengenalan kepada kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, kaedah pengumpulan maklumat, teknik menganalisa maklumat, skop kajian dan kesulitan kajian.

Dalam bab kedua pula, kajian akan memberikan fokus kepada analisis politik, ekonomi dan sosial tentang penggubalan Akta Universiti dan Kolej

Universiti 1971. Dalam bab ini, antara yang akan dibincangkan ialah faktor-faktor politik, ekonomi dan sosial yang membawa kepada kebimbangan pihak pemerintah sehingga memaksa penggubalan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971. Di sini turut dibincangkan peranan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Peristiwa 13 Mei 1969 yang menjadi alasan pemerintah atas kewujudan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.

Seterusnya ialah bab ketiga. Kajian dalam bab ini akan meninjau terhadap kandungan Akta Universiti dan Kolej Universiti. Objektif kajian dalam bab ini ialah untuk melihat kepada beberapa peruntukan dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti yang menyentuh status mahasiswa negara ini dan seterusnya membincangkannya secara lebih mendalam lagi.

Berikutnya ialah bab keempat. Bab ini secara khusus akan memberi tumpuan kepada kesan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) terhadap kegiatan pelajar-pelajar universiti. Jelasnya bab ini akan cuba meninjau kesan AUKU ke atas kegiatan bukan akademik pelajar sama ada ianya positif ataupun sebaliknya.

Selepas kesan-kesan AUKU dalam bab keempat, bab kelima akan membicarakan khusus tentang persepsi dan pendapat masyarakat umum di

Malaysia mengenai kebebasan mahasiswa di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1975. Dalam bab ini pelbagai pendapat dari berbagai lapisan masyarakat akan diketengahkan untuk melihat reaksi sebenar masyarakat terhadap kewujudan akta ini.

Bab keenam adalah bab terakhir dalam penyelidikan ini. Bab ini juga merupakan penutup bagi penyelidikan ini. Keseluruhan hasil penyelidikan ini akan digunakan untuk membuat rumusan serta terhadap aspek kebebasan dan status mahasiswa sebagaimana yang termaktub dalam peruntukan-peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti di negara ini.